

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Jabatan Keselamatan
Sent: Tuesday, July 17, 2018 8:22 AM
To: UUM - All Staff
Subject: UJIAN KECERGASAN ASAS (12 JULAI 2018) , PADANG KAWAD PALAPES, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



Jabatan Keselamatan
SECURITY DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

17 JULAI 2018 / 04 ZULKAEDAH 1439H

=====

UJIAN KECERGASAN ASAS (12 JULAI 2018) , PADANG KAWAD PALAPES, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



KESL ONLINE : Jabatan Keselamatan telah mengadakan program Ujian Kecergasan Asas untuk anggota operasi, Jabatan Keselamatan bagi 6 bulan pertama untuk tahun 2018. Program ini telah diadakan pada 12 Julai 2018 bertempat di Padang Kawad PALAPES. Seramai 60 orang yang disasarkan pada peringkat pertama telah menjalani Ujian ini dengan jayanya.

Ujian yang diadakan adalah pengambilan berat badan, ukuran tinggi, BMI, *Sit Up*, *Push Up* dan Larian 2.4 km. Program ini telah dimulakan pada Disember tahun 2017 sebagai memenuhi Pelan Strategik 5 Universiti iaitu menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dengan mengambilkira ukuran bilangan aktiviti yang dijalankan bagi meningkatkan kesedaran berkaitan keselamatan dan kesihatan staf.

Seterusnya program akan di jalankan untuk kumpulan kedua pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian bertempat di Padang Kawad PALAPES dengan sasaran anggota keselamatan berjumlah 40 orang.

Pengarah Keselamatan, Yang Berusaha Mejar Mohamad Ezanee Yazid yang turut menyertai program ini berharap tahap kesihatan anggota akan sentiasa dalam keadaan yang baik bagi menjalankan tugas-tugas seharian dengan lebih berkesan.

Beliau turut menegaskan program ini amat penting bagi anggota Jabatan ini memandangkan mereka bertugas 24 jam mengikut 3 shift yang boleh mempengaruhi tahap kesihatan yang tidak sihat sekiranya tidak diberi perhatian. Tahap kesihatan yang rendah boleh mempengaruhi tahap produktiviti dan meningkatkan kos perubatan universiti amnya.

Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai dan anggota diatas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan program tersebut.

Program ini turut dihadiri oleh semua pegawai-pegawai kanan dan anggota keselamatan Jabatan Keselamatan.

Tamat.

"KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

**PENGARAH
JABATAN KESELAMATAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Telefon : 04-928 3333 / 2416
Faks : 04-928 2424
E-Mel : security@uum.edu.my**



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.